

# Pelajar gagal PMR masih boleh dibentuk

**K**EPUTUSAN Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2006 menyaksikan seramai 524 pelajar atau 0.12 peratus daripada 448,324 calon mendapat semua gred E dalam setiap mata pelajaran diambil.

Walaupun angka ini menunjukkan jumlah penurunan daripada tahun lalu, ia sesuatu harus dilakukan bagi membantu pelajar ini untuk meneruskan pelajaran dan seterusnya menyiapkan diri ke alam kehidupan yang penuh dengan cabaran kelak.

Tiada siapa dapat menutup mata dengan saingan sukar mencari pekerjaan dan juga tersebarinya pengaruh gejala sosial yang berleluasa. Kementerian Pelajaran memandangkan berat isu ini memandangkan calon terbabit masih belum mencapai tahap penguasaan minimum semua mata pelajaran, walaupun sembilan tahun mengikuti persekolahan rendah dan menengah.

Pelajar ini, walaupun gagal semua mata pelajaran dalam PMR masih lagi layak meneruskan pengajian di Tingkatan Empat di sekolah menengah harian biasa. Rasionalnya, langkah memastikan mereka boleh meneruskan pelajaran adalah satu langkah baik kerana jika mereka tercicir daripada sistem persekolahan, ia boleh memberi kesan kepada kehidupan mereka pada masa depan.

Tahap pendidikan dilihat mempunyai kaitan dengan masalah gejala sosial. Dilaporkan individu mempunyai tahap pendidikan rendah lebih berkecenderungan membabitkan diri melakukan jenayah.

Membenarkan mereka melanjutkan pelajaran boleh menghindar mereka daripada terbabit dengan gejala tidak sihat. Masa terluang (jika tidak ke sekolah) memungkinan mereka melakukan perkara yang boleh menjurus kepada gejala sosial.

Di sekolah, mereka mempunyai bimbingan dan panduan daripada pihak sekolah. Mereka belajar dan akur dengan peraturan dan disiplin.

Nilai murni lain seperti mematuhi masa, menghormati diri, rakan, guru, orang lebih tua dan disiplin diterapkan di sekolah. Pelajar juga diajar untuk mengamalkan nilai murni lain antaranya seperti bekerjasama dan rajin berusaha di sekolah.

Kementerian Pelajaran ternyata memandangkan serius masalah ini. Lantaran itu, Kementerian Pelajaran menjelaskan bedah siasat secara serius akan dilakukan dalam usaha

Langkah ini memang wajar dipuji dan perlu mendapat sokongan semua pihak. Ternyata, masalah pembelajaran pelajar sekolah bukan saja menjadi tanggungjawab guru, sekolah dan Kementerian Pelajaran. Ia tanggungjawab bersama yang wajar dipikul pihak lain seperti pelajar, ibu bapa, penjaga, Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG), media dan masyarakat. Kesediaan membantu pelajar ini memberi makna besar kerana mereka kelak akan keluar menjadi sebahagian daripada masyarakat.

Tugas ini tentunya bukan satu tugas mudah. Lantaran itu, kementerian juga meminta pihak sekolah supaya mengaturkan program berseesuaian untuk membantu pembelajaran pelajar terbabit di Tingkatan Empat dan Lima nanti.

Dalam konteks ini, guru dan sekolah juga perlu sedia berkorban. Seperti dikatakan, ia bukan satu tugas mudah, tetapi tanggungjawab dan pengorbanan ini untuk kebaikan generasi dan bangsa.

Dalam usaha membantu pelajar tidak tahu menulis, membaca dan mengira, Kementerian Pelajaran berusaha mengatasi masalah ini pada peringkat sekolah rendah dengan memperkenalkan program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) serta projek 3M (membaca, menulis dan mengira).

Dalam membantu pelajar gagal dalam semua mata pelajaran dalam PMR ini, pihak kementerian menawarkan mata pelajaran vokasional (MPV) di sekolah harian biasa. Dilaporkan pelaksanaan MPV di sekolah adalah berjaya. Memang ada pelajar agak lemah dalam mata pelajaran biasa, tetapi cemerlang dalam mata pelajaran vokasional.

Teori kerjaya juga ada menjelaskan bahawa minda pelajar berbeza-beza. Pelajar ini ternyata perlu dibantu. Mereka masih muda dan belum dapat melihat cabaran hebat mendatang.

Sebenarnya, masalah mereka juga masalah kita. Membiarkan mereka terkapai-kapai mencari arah tuju kehidupan juga bukanlah jalan penyelesaian terbaik.

Lantaran itu, semua pihak perlu berganding bahu membantu mereka. Sama-samalah kita berusaha memberi kehidupan lebih bermakna dan menjadikan mereka sebahagian daripada masyarakat yang kelak membantu dalam pembinaan generasi gemilang, cemerlang dan terbilang.

## Kejayaan pengurusan acara penting

**P**ENGURUSAN acara bukan perkara baru, namun ia seperti tidak diberikan penekanan di negara ini walaupun kita begitu ingin melangkah menjadi sebuah negara maju.

Perlu ditekankan bahawa pengurusan acara yang cemerlang adalah satu kaedah mempromosikan negara kita pada persada antarabangsa.

Pengurusan acara perlulah diberikan penekanan sewajarnya mulai sekarang kerana tahun ini kita mempunyai dua acara mega yang tidak boleh diperlekehkan iaitu Tahun Melawat Malaysia 2007 dan sambutan ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara.

Diharap agar pihak terbabit dalam menganjurkan kedua-dua acara gemilang ini dapat menunjukkan kebolehan dan keupayaan serta bertindak lebih awal bagi memastikan kedua-dua program ini berjalan lancar dan dapat sambutan.

Memang diakui, ada acara atau program yang terlalu ramai pengunjung dan ada juga peserta melebihi pengunjung dan ia disiarkan ke kebanyakan negara di seluruh dunia secara langsung.

Kadang-kadang kita perlu mengukur baju di badan sendiri dan jikalau terdedah sana dan sini, maka perlulah kita menguruskan badan atau memperbaiki seni jahitan kita.

Perkara sama juga bolehlah dikatakan kepada kebolehan penganjur di Malaysia dengan sesuatu acara itu didatangkan ke negara ini menerusi penawaran dan pelobian dilakukan pihak penganjur dalam negeri.

Namun, selepas kontrak jatuh di dalam tangan, mulalah penganjur dalam negeri menggelabah minta pertolongan pihak kerajaan dan juga pihak swasta untuk menjadi penaja rasmi mahu pun sebagai rakan penganjur.

Pihak kerajaan sudah acap kali menjadi penyelamat maruah negara daripada tercemar angkara golongan seperti ini.

Apapun yang sudah berlaku selama ini, ucapan sekalung tahniah boleh diberikan kepada penganjur MAHA 2006 kerana sudah berjaya me-

nimbulkan minat masyarakat Malaysia bahawa 'pertanian adalah perniagaan'.

Memang ada peluang perniagaan yang boleh diceburi graduan dalam usaha mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.

Namun, penganjur perlulah lebih prihatin terhadap keperluan pengunjung bermula dari tempat letak kereta, pemandu arah, kemudahan orang tua dan kurang upaya, ruang pejalan kaki dan lain-lain kemudahan yang dapat memudahkan pengunjung pada masa akan datang.

Menurut penganjur terdapat penyertaan sebelas buah negara luar dan keadaan seperti ini akan menjadi buah mulut mereka yang akan dibawa ke negara masing-masing.

Mendapatkan pengunjung ramai adalah satu pencapaian yang baik, namun mendapatkan pengunjung kembali semula mengunjungi pameran pada masa depan satu tugas sukar dan mencabar. Diharap pihak penganjur dapat meneruskan usaha murni itu dan diperbaiki perjalanan acara itu pada masa akan datang.

Banyak acara dianjurkan di Malaysia selain daripada acara hiburan yang memperlihatkan kurangnya pengunjung. Kebanyakan acara bercorak kesukanan memperlihatkan fenomena itu dan sebenarnya ia amat membimbangkan.

Difahamkan ada beberapa institusi pengajian tinggi yang menekankan pengurusan acara terutama dari segi acara sukan.

Pihak penganjur sepatutnya mengambil peluang ini dengan mengambil graduan daripada bidang itu kerana dari segi pengetahuan, mereka mempunyai pengetahuan terkini dan jika digandingkan dengan pengalaman penganjur, ia boleh menjadi satu gandingan berbisa yang mampu menganjurkan acara bertaraf dunia.

**MOHAMMAD  
NOORIZZUDDIN NOOH,**  
*Penyarah Penjenamaan  
Kolej Universiti Islam Malaysia  
(KUIM).*